

# Sukar pertahanan emas Sukan SEA 2019

**A**tlet berstatus juara kini berdepan misi lebih mencabar untuk mempertahankan pingat emas yang dimenangi pada Sukan SEA Filipina, November ini.

Timbalan Ketua Kontinjen negara ke temasya dwi tahunan itu, Nurul Huda Abdullah berkata, sebagai juara bertahan, sudah pastinya atlet ataupun dalam acara berpasukan menjadi tumpuan lawan di gelanggang pertandingan nanti.

Menurutnya, pasukan ragbi tujuh sepasukan (7s) dan skuad bola jaring khususnya bakal berdepan cabaran lebih getir untuk mempertahankan pingat emas masing-masing kerana negara pesaing dalam sukan masing-masing pasti melakukan persiapan rapi untuk berdepan Malaysia.

“Bagi atlet yang pergi



• Nurul Huda (belakang, enam dari kiri) merakam kenangan bersama atlet ragbi negara selepas sesi lawatan persiapan skuad ragbi 7s di UPM kelmarin.

bertanding buat pertama kali, mereka tidak bimbang kerana tiada pengharapan daripada sesiapa melainkan diri sendiri dan jurulatih.

“Tetapi bila anda pergi sebagai juara bertahan, pasukan lain berusaha untuk menumpaskan mereka. Jadi mereka perlu bergerak satu langkah ke hadapan bagi membolehkan mereka pertahankan gelaran,” ka-

tanya ketika ditemui selepas melawat persiapan skuad ragbi 7s dan bola jaring negara di Universiti Putra Malaysia (UPM) petang kelmarin.

Untuk rekod, skuad ragbi 7s Skuad ragbi negara mencipta sejarah terbesar dalam penyertaan Sukan SEA apabila meraih emas buat julung kalinya menerusi pasukan lelaki

tujuh sepasukan pada edisi 2017 di Kuala Lumpur selepas menewaskan musuh tradisi, Singapura 22-7.

Sementara itu, pasukan bola jaring negara turut mencipta sejarah tersendiri apabila menamatkan kemarau meraih pingat emas selepas 16 tahun dalam temasya Sukan SEA selepas menang besar ke atas Singapura 65-41.